

KL akan bantu Thailand, Kemboja selesai isu sempadan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan, Malaysia akan membantu Thailand dan Kemboja dalam menyelesaikan isu terkini di sempadan kedua-dua negara itu.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah mengadakan perbincangan bersama Perdana Menteri Thailand, Anutin Charnvirakul dan Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet, kelmarin.

“Saya sudah bincang semalam dengan Perdana Menteri Thailand dan Kemboja berhubung

perkembangan terkini di sempadan kedua-dua negara itu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media ketika ditanya, sama ada Malaysia akan membantu Thailand dan Kemboja menangani pergolakan terkini di sempadan kedua-dua negara yang tercetus minggu ini.

Kelmarin, konflik kembali memuncak di sempadan selepas Hun Manet mendakwa Thailand menghalang lebih 20 keluarga kembali ke kampung halaman

mereka di perbatasan yang menjadi pertikaian sejak beberapa bulan lalu.

Dakwaan itu dibuat menerusi surat dihantar kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres pada Khamis, kira-kira dua bulan selepas perjanjian gencatan senjata dicapai bagi meredakan ketegangan di sempadan yang meragut 43 nyawa.

Hun Manet turut meminta Malaysia selaku Pengerusi ASEAN, mendesak Bangkok agar ti-

dak menggunakan kekerasan terhadap orang awam dan menghentikan rancangan pengusiran paksa.

Tentera Thailand dikatakan bertindak menghalang akses itu selepas menuduh kumpulan orang awam ‘menceroboh’ wilayah negara berkenaan.

Rabu lalu, tembakan peluru getah dan pemedih mata dilepaskan ke arah ratusan penunjuk perasaan yang terbabit bantahan di perkampungan sempadan yang didakwa turut men-

cederakan hampir 30 orang.

Sementara itu, Jurucakap Tentera Thailand, Winthai Suvaree, menjelaskan orang awam yang terbabit insiden protes itu menduduki tanah negara terbabit secara haram untuk tempoh yang lama.

Sebelum ini, Amerika Syarikat (AS) memuji kepemimpinan Anwar dalam menjadi orang tengah kepada persetujuan gencatan senjata serta-merta dan tanpa syarat antara Thailand dengan Kemboja.